

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UCAPAN PEMBUKAAN SESI PERTAMA MAJLIS DIALOG BELANJAWAN 2003

TEMPAT: PUTRAJAYA

TARIKH: 30 MAY 2002

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Dialog Belanjawan 2003 pada pagi ini. Majlis ini merupakan satu acara tahunan yang penting bagi Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pandangan dan saranan dalam usaha menangani pelbagai isu dan cabaran ekonomi semasa. Semua input yang dikemukakan dalam Majlis ini akan dikaji dan di mana sesuai, akan dijadikan asas untuk merangka strategi dan langkah-langkah Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan pada bulan September nanti. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang telah mengemukakan memorandum.

2. Seperti pada tahun lalu, Dialog ini akan diadakan dalam tiga sesi yang melibatkan perbincangan mengenai perkembangan dan isu-isu makroekonomi negara; perbincangan dengan wakil sektor ekonomi utama dan industri; serta perbincangan dengan pelbagai pertubuhan sosial mengenai isu dan agenda kemasyarakatan. Tahun ini, saya akan mengadakan satu lagi sesi khusus dengan Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Setiausaha-setiausaha Politik dan Penyokong-penyokong Kerajaan dalam Parlimen. Sesi Keempat ini juga merupakan sesi rundingan dengan Ketua-ketua Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan input bagi penggubalan dasar dan strategi Kerajaan dalam Belanjawan 2003.

3. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada perkembangan ekonomi dunia. Walaupun ekonomi dunia mengalami kelembapan pada tahun lepas, negara masih berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif iaitu sebanyak 0.4%, berbanding dengan beberapa negara di rantau ini yang telah mengalami pertumbuhan negatif. Bagi suku pertama tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara telah berkembang kembali sebanyak 1.1% berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.9% pada suku ketiga dan 0.5% pada suku keempat tahun lalu. Pertumbuhan semula ini didorong oleh kecergasan yang berterusan dalam aktiviti sektor perkhidmatan dan pembinaan serta peningkatan perbelanjaan permintaan dalam negeri. Pencapaian ini adalah hasil daripada keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi Kerajaan untuk bertindak segera dengan cara kita sendiri bagi

menangani perubahan persekitaran luar yang tidak menentu. Ianya juga disokong oleh asas-asas ekonomi yang semakin mantap.

4. Asas-asas ekonomi negara yang kukuh bukan sahaja telah memberi fleksibiliti bahkan membolehkan kita mengambil pendekatan tersendiri yang bersesuaian dalam melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Rizab antarabangsa pada pertengahan Mei tahun ini terus meningkat kepada 124.5 billion ringgit atau 32.8 billion dolar Amerika, mampu membiayai 5.5 bulan import tertanggung dan melebihi 5 kali daripada hutang luar jangka pendek negara. Negara turut mencatatkan lebih perdagangan selama 53 bulan berturut-turut sejak November 1997. Tabungan negara yang tinggi membolehkan kita memenuhi keperluan pembiayaan pembangunan negara tanpa bergantung kepada sumber kewangan luar. Dengan demikian, hutang luar negara dapat terus dikekalkan pada paras yang rendah. Di samping itu, petunjuk-petunjuk sektor perbankan semakin baik dan usaha ke arah penstrukturan semula dan urus tadbir korporat kian mantap.

5. Keyakinan masyarakat peniaga dan pelabur juga semakin pulih. Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur kian menggalakkan dengan peningkatan Indeks Komposit BSKL melebihi paras indeks komposit di beberapa bursa saham dunia. Agensi-agensi penarafan utama antarabangsa juga telah meningkatkan penarafan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Penerbitan bon negara di pasaran antarabangsa telah mendapat sambutan yang amat membanggakan. Pada awal tahun ini, penerbitan bon Kerajaan berjumlah 750 juta dolar Amerika di pasaran antarabangsa telah berjaya mendapat lebih langganan sebanyak tujuh setengah kali ganda daripada jumlah asal sebanyak 520 juta dolar Amerika. Baru-baru ini pula, Petronas telah berjaya menerbitkan bon dalam pelbagai mata wang asing sebanyak 2.68 bilion dolar Amerika, dengan lebih langganan sebanyak 3.4 kali ganda daripada tawaran asal sebanyak 1.46 bilion dolar Amerika. Jumlah ini merupakan penjualan bon korporat yang terbesar dari Asia, tidak termasuk Jepun.

6. Iklim pelaburan negara yang semakin baik berjaya menarik pelabur asing walaupun kadar cukai korporat negara lebih tinggi berbanding dengan sesetengah negara jiran serantau. Rejim pencukaaian yang rendah tidak semestinya akan menjamin sesebuah negara itu dapat menarik lebih banyak pelaburan asing sepertimana berlaku di beberapa negara lain, termasuk Hong Kong. Untuk makluman, meskipun struktur cukai korporat kita mungkin dianggap tinggi oleh sesetengah pihak, namun begitu, jika kita mengambil kira pemberian pelepasan dan pengecualian cukai insentif secara keseluruhannya, maka cukai efektif benar negara adalah antara yang terendah. Dalam membuat keputusan pelaburan, selain daripada dasar yang pragmatik dan kecekapan pengurusan ekonomi, pelabur asing juga turut mengambil kira

kemudahan infrastruktur yang disediakan serta kestabilan negara seperti yang terdapat di negara ini.

7. Sungguhpun kedudukan ekonomi negara semakin menggalakkan, namun negara perlu bersedia menghadapi cabaran dan risiko ketidaktentuan pemulihan ekonomi dunia yang masih belum meyakinkan. Dalam persekitaran sedemikian serta perkembangan globalisasi dan teknologi yang sentiasa berubah dengan pantas, kita perlu meningkatkan lagi daya saing dan mengukuhkan ketahanan ekonomi negara. Kita perlu mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko pergantungan berlebihan kepada beberapa barangan sahaja. Kita juga perlu mempergiatkan lagi usaha bagi memperluaskan asas perindustrian negara dan juga memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan sektor pertanian dan perkhidmatan, termasuk di bidang pelancongan, pendidikan, kesihatan, kewangan dan pengangkutan.

8. Dalam usaha mencergaskan kegiatan ekonomi dan memantapkan lagi asas-asas ekonomi supaya negara lebih berdaya saing, peranan sektor swasta amat penting. Sejak kebelakangan ini, sektor swasta tidak begitu dinamik. Paras pelaburan mereka telah merosot dengan ketara sebanyak 39% pada tahun 2001 berbanding paras pelaburan pada tahun 1997. Jika tren ini berterusan, potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka sederhana dan panjang akan terjejas.

9. Pencapaian ekonomi negara sejak krisis kewangan telah banyak didorong oleh sektor awam, terutamanya melalui langkah rangsangan fiskal. Langkah ini telah mengakibatkan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Meskipun defisit ini mampu dibiayai dan pengurusan fiskal masih berhemat, namun begitu, bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus mengamalkan dasar belanjawan mengembang. Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada Kerajaan untuk mencergaskan kegiatan ekonomi.

10. Penglibatan sektor swasta perlu ditingkatkan semula untuk mengambil alih peranan sektor awam sebagai penggerak ekonomi. Sektor swasta perlu membina semula kepercayaan dan keyakinan ke arah meningkatkan daya saing, kecekapan, kreativiti dan produktiviti. Mereka juga perlu berani mengambil risiko dalam merebut peluang perniagaan dan perdagangan yang luas dalam era globalisasi dan liberalisasi. Untuk tujuan ini, Strategi Belanjawan 2003 akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan peranan sektor swasta selaras dengan tema dialog Belanjawan tahun ini iaitu "Memupuk Sektor Swasta yang Dinamik dan Berdaya Tahan (Promoting a Dynamic and Resilient Private Sector)".

11. Pengusaha tempatan, terutamanya perusahaan kecil

dan sederhana, perlu bergiat dengan lebih cergas bersama-sama dengan syarikat-syarikat multinasional untuk maju ke hadapan. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan pelaburan mereka agar mereka boleh menjadi nadi penggerak perindustrian negara dan akan menjadi sebuah syarikat multinasional bertaraf dunia.

12. Wakil-wakil sektor swasta boleh mengambil peluang dalam sesi dialog ini untuk memberi pandangan dan saranan supaya kita dapat merangka dasar dan strategi yang sesuai dalam menangani persekitaran ekonomi yang semakin mencabar dan sentiasa berubah.

13. Untuk memulakan Sesi Pertama Majlis Dialog Belanjawan 2003 pada pagi ini, saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Dr. Zainal Aznam Yusof (Institut Kajian Strategik dan Antrabangsa - ISIS) untuk menyampaikan pandangan.